



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
KERJA-KERJA PENGANTIAN KESELURUHAN BUMBUNG SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SKIM CERIA TAHUN 2026 DI PANGSAPURI TAMAN MESRA, LORONG SAMARINDA 13B, TAMAN KLANG INDAH, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN No. Sebut Harga: LPHS/SH/K/26/14 No. Fail: LPHS.UPA.400-5/7/220	KONTRAKTOR TEMPATAN & Berdaftar Di NEGERI SELANGOR Kontraktor Berdaftar dengan CIDB Gred: G3 Kategori: B (PEMBINAAN BANGUNAN) Pengkhususan: B15 (PEMASANGAN BUMBUNG) Dan Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Dan Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM50.00 Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor (Dokumen Hanya Akan Dijual Kepada Syarikat Yang Hadir Lawatan Tapak)	Tarikh: 13 Ogos 2026 (Khamis) Masa: 02.30 Petang Tempat: Pejabat Pengurusan, Pangsapuri Taman Mesra, Lorong Samarinda 13B, Klang Koordinat: 3.015735, 101.475193 Kehadiran Taklimat adalah WAJIB (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	Bermula 14 Ogos 2026 (Jumaat) sehingga 20 Ogos 2026 (Khamis)	21 Ogos 2026 (Jumaat) Jam 12.00 tengah hari

Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak bermula pada **06 OGOS 2026 (KHAMIS)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **03-5544 7647 (Unit Pentadbiran & Perolehan)** dan **016-226 2480 (Unit Kejuruteraan & Teknikal)**.

Dokumen Sebut Harga **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa DOKUMEN ASAL Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dan Berdaftar dengan UPEN Selangor** serta masih aktif dan tempoh sah laku syarikat masih berkuatkuasa semasa pembelian dokumen sebut harga. Sila bawa **satu salinan bagi setiap sijil tersebut (WAJIB)** semasa Lawatan Tapak Sebut Harga. **Sila Bawa Bersama Cop Syarikat (*PENERIMAAN DOKUMEN SECARA DALAM TALIAN / MOBILE TIDAK TERPAKAI. SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN)**

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Sebut Harga berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **SEBELUM ATAU PADA PUKUL 12.00 TENGAHARI, 21 OGOS 2026 (JUMAAT)** kepada:

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM

Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak terikat menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.**

Kenyataan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.

TARIKH: 06 OGOS 2026 (KHAMIS)